

# **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)**


## **PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERIZABAN JALAN SEBAGAI TEMPAT LETAK KERETA BAGI KENDERAAN ORANG KURANG UPAYA) WPKL 2017**

**P.U. (A) 58/2017**

---

**SENARAI PINDAAN :**

<b>1</b>	<b>P.U.(A) 34/2019</b>		
<b>2</b>			
<b>3</b>			
<b>4</b>			
<b>5</b>			
<b>6</b>			
<b>7</b>			
<b>8</b>			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 61  
No. 4

**27hb Februari 2017**

*TAMBAHAN No. 23*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 58.**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERIZABAN JALAN SEBAGAI TEMPAT  
LETAK KERETA BAGI KENDERAAN ORANG KURANG UPAYA)  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 74 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Datuk Bandar membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan sebagai Tempat Letak Kereta bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“orang kurang upaya” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*] dan mempunyai pelekat kenderaan orang kurang upaya yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

“tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya” ertinya suatu ruang atau petak yang dirizabkan khas di atas mana-mana bahagian jalan untuk kemudahan akses bagi maksud meletakkan kenderaan motor untuk orang kurang upaya.

### **Isyarat lalu lintas bagi tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya**

3. Mana-mana bahagian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditandakan dengan isyarat lalu lintas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual adalah dirizabkan sebagai tempat letak kereta untuk kegunaan kenderaan motor orang kurang upaya.

### **Tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya**

4. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan, menempatkan, memberhentikan atau meninggalkan mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya kecuali kenderaan motor itu mempamerkan pelekat kenderaan orang kurang upaya yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Pelekat kenderaan orang kurang upaya itu hendaklah dipamerkan pada kedudukan yang mudah dilihat pada kenderaan motor dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar Perintah ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

### **Caj tempat letak kereta**

5. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya hendaklah membayar caj tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan caj tempat letak kereta.

(2) Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana orang kurang upaya daripada tanggungan untuk membayar kesemua atau sebahagian daripada caj tempat letak kereta yang kena dibayar di bawah Perintah ini.

### **Pengalihan dan penahanan kenderaan motor oleh Datuk Bandar**

6. (1) Datuk Bandar boleh mengalihkan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan dalam tempat letak kereta bagi kenderaan orang kurang upaya yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan oleh Datuk Bandar di bawah Perintah ini boleh ditahan di mana-mana tempat yang sesuai dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya kenderaan motor itu.

(3) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan menurut subperenggan (1) hendaklah ditahan sehingga fi pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan di bawah mana-mana kaedah bagi pengalihan dan penahanan yang dibuat di bawah Akta dibayar.

(4) Walau apa pun peruntukan subperenggan (3), mana-mana kenderaan motor yang ditahan menurut subperenggan (2) adalah tertakluk kepada peruntukan subseksyen 64(4) dan (5) Akta.


(5) Datuk Bandar tidak bertanggung terhadap apa-apa kerosakan kepada kenderaan motor atau kehilangan barang-barang di dalamnya dan tidak bertanggung untuk membayar ganti rugi kepada pemunya kenderaan motor semasa kenderaan motor itu atau barang-barangnya dialihkan dan semasa kenderaan motor itu atau barang-barangnya berada dalam jagaan Datuk Bandar.

### Pengecualian

7. (1) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu atau patut, mengecualikan mana-mana orang kurang upaya daripada mana-mana peruntukan Perintah ini.

(2) Datuk Bandar boleh, apabila memberi pengecualian sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

JADUAL  
[Perintah 3]



Dibuat 15 Februari 2017  
[DBKL/JUP/BPPP/GN/314; PN(PU2)460/LXXXVI]

DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (RESERVATION OF ROAD AS A PARKING  
PLACE FOR VEHICLES OF PERSONS WITH DISABILITIES)  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 74 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Datuk Bandar makes the following order :

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Reservation of Road as a Parking Place for Vehicles of Persons with Disabilities) (Federal Territory of Kuala Lumpur) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 1 March 2017.

**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“persons with disabilities” shall have the same meaning given to it under the Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685] and in possession of stickers for vehicles of persons with disabilities issued by the relevant authority;

“parking place for vehicles of persons with disabilities” means a space or bay specially reserved on any part of the road for access facilities for the purpose of parking of motor vehicles for persons with disabilities.

**Traffic signs for parking place for vehicles of persons with disabilities**

3. Any part of the road in the Federal Territory of Kuala Lumpur designated with the traffic signs as specified in the Schedule is reserved as a parking place for the use of motor vehicles for persons with disabilities.

**Parking place for vehicles of persons with disabilities**

4. (1) No person may park, place, stop or leave any motor vehicle in a parking place for vehicles of persons with disabilities unless the motor vehicle displays a sticker for vehicles of persons with disabilities issued by the relevant authority.

(2) The sticker for vehicles of persons with disabilities shall be displayed at a conspicuous part of the motor vehicle and in the manner as determined by the relevant authority.

(3) Any person who contravenes this Order commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding six months.

**Parking charges**

5. (1) Any person who parks his motor vehicle in the parking place for vehicles of persons with disabilities shall pay the parking charges as determined by the Datuk Bandar under the laws relating to parking charges.

(2) The Datuk Bandar may exempt any persons with disabilities from the liability of paying the whole or any part of the parking charges payable under this Order.

**Removal and detention of motor vehicle by the Datuk Bandar**

6. (1) The Datuk Bandar may remove any motor vehicle which is parked in the parking place for vehicles of persons with disabilities in contravention with any of the provisions of this Order.

(2) Any motor vehicle removed by the Datuk Bandar under this Order shall be detained at any suitable place and will remain there at the risk of the owner of the motor vehicle.

(3) Any motor vehicle removed pursuant to subparagraph (1) shall be detained until the fee for such removal and detention as prescribed under any rules for removal and detention made under the Act is paid.

(4) Notwithstanding the provisions of subparagraph (3), any motor vehicle detained pursuant to subparagraph (2) is subject to the provisions of subsections 64(4) and (5) of the Act.


(5) The Datuk Bandar shall not be liable for any damages caused to any motor vehicle or loss of things therein and shall not be liable to pay compensation to the owner of the motor vehicle whilst the motor vehicle or things are removed and while the motor vehicle or things are under the custodian of the Datuk Bandar.

**Exemption**

7. (1) The Datuk Bandar may, if he thinks necessary or fit, exempt any persons with disabilities from any provisions of this Order.

(2) The Datuk Bandar may, upon giving such exemption, impose any conditions he thinks fit.

SCHEDULE  
[Order 3]



Made 15 February 2017  
[DBKL/JUP/BPPP/GN/314; PN(PU2)460/LXXXVI]

DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

**P.U.(A) 34/2019**



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 63  
No. 3

**11hb Februari 2019**

*TAMBAHAN No. 16  
PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 34.**

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERIZABAN JALAN SEBAGAI TEMPAT LETAK KERETA BAGI KENDERAAN ORANG KURANG UPAYA) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 74 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat perintah yang berikut:

### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan sebagai Tempat Letak Kereta bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 12 Februari 2019.

### **Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan sebagai Tempat Letak Kereta bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2017 [P.U. (A) 58/2017], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 3, dengan menggantikan perkataan "ditandakan

dengan isyarat lalu lintas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual” dengan perkataan “diletakkan dengan isyarat lalu lintas sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 25A dalam Bahagian IV Jadual kepada Kaedah-Kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis), 1959 [L.N. 167/1959]”.

### **Pemotongan Jadual**

3. Perintah ibu dipinda dengan memotong Jadual.

Dibuat 31 Januari 2019

[DBKL/JUP/BPPP/GN/314 (JLD. 2); PN(PU2)460/XCIX]

DATO' NOR HISHAM BIN A. DAHLAN  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

### **ROAD TRANSPORT ACT 1987**

ROAD TRANSPORT (RESERVATION OF ROAD AS A PARKING PLACE FOR VEHICLES  
OF PERSONS WITH DISABILITIES) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
(AMENDMENT) ORDER 2019

In exercise of the powers conferred by section 74 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes the following order:

#### **Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Reservation of Road as a Parking Place for Vehicles of Persons with Disabilities) (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 12 February 2019.

#### **Amendment of paragraph 3**

2. The Road Transport (Reservation of Road as a Parking Place for Vehicles of Persons with Disabilities) (Federal Territory of Kuala Lumpur) Order 2017 [P.U. (A) 58/2017], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 3, by substituting for the words “designated with the traffic signs as specified in the Schedule” the words “placed with the traffic signs as specified in item 25A in Part IV of the Schedule to the Traffic Signs (Size, Colour and Type) Rules, 1959 [L.N. 167/1959]”.

**Deletion of Schedule**

3. The principal Order is amended by deleting the Schedule.

Made 31 January 2019

[DBKL/JUP/BPPP/GN/314 (JLD. 2); PN(PU2)460/XCIX]

DATO' NOR HISHAM BIN A. DAHLAN  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERNAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW012698 11-02-2019